

'Wajah' ekonomi Malaysia jadi lebih baik 3 tahun lagi

PM minta kesungguhan semua pihak pastikan usaha berjalan lancar

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin 'wajah' Malaysia bakal menjadi lebih baik dalam tempoh dua hingga tiga tahun ini berdasarkan perkembangan positif ekonomi negara, keyakinan pelabur dan tatakelola.

Perdana Menteri berkata, bagi membolehkan usaha itu berjalan lancar, kesungguhan dan tekad semua pihak termasuk penjawat awam, pemimpin politik dan masyarakat amat diperlukan.

"Saya ingin mengingatkan bahawa masih ada ruang untuk diperbaiki dan saya yakin selepas setahun melihat, dalam kerajaan, kadang-kadang kita sibuk dengan sepak terajang politik, simpang siur kerja tidak berkesudahan, apabila ke luar negara, sambutannya amat luar biasa.

"Kita lihat juga rekod semua kunjungan keluar menemui usahawan, tokoh korporat negara masing-masing, layanan pimpi-

nan politik, majlis rasmi, termasuk ketika saya solat Tarawih di Berlin (Jerman) kemudian solat Jumaat di masjid Hamburg, masyarakat Jerman dan Islam, semuanya luar biasa," katanya.

Berucap pada Perhimpunan Bersama Warga Kementerian Kewangan, di sini semalam, Anwar berkata, dari segi pelaburan, Malaysia berjaya meraih potensi pelaburan asing RM76.1 bilion setakat bulan ini.

Ia, katanya, meliputi kejayaan dalam misi perdagangan dan pelaburan di Australia, iaitu sebanyak RM24.5 bilion serta Jerman dan Perancis sebanyak RM46 bilion.

Malah, sepanjang tahun lalu, Malaysia meraih pelaburan diluluskan berjumlah RM329.5 bilion, iaitu pencapaian tertinggi dalam sejarah negara.

"Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Pembuatan S&P pula meningkat ke 49.5 mata pada Februari lalu, tertinggi sejak September 2022 sebagai tanda awal pemulihan sektor pembuatan.

"Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) turut kembali meningkat sebanyak 4.3 peratus pada Januari berbanding pertumbuhan negatif sebanyak 0.03 peratus pada Disember 2023," katanya.

Angka terbabit, kata Perdana Menteri, menunjukkan Malaysia sudah mencapai satu tahap permulaan baharu dan meyakinkan.

"Ini bukan sebab Anwar, tetapi persiapan awal rakan dari Kementerian Kewangan, MITI (Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri), Kementerian Luar.

"Agensi seperti MATRADE (Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia), SC (Suruhanjaya Sekuriti) dan Bursa Malaysia, ada peranan persiapan sebagai satu pasukan, ini memberi keyakinan baharu.

"Dalam (industri) cip komputer (mikrocip), kita nampak (Malaysia) sudah mahu diiktiraf yang pertama, iaitu tarikan pelabur pertama di Asia dan ini bukan hal mudah," katanya.

Unjuran tahun depan positif

Anwar berkata, berdasarkan laporan Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2023 yang dikeluarkan Bank Negara, angka pertumbuhan dan unjuran bagi tahun depan adalah positif dan meyakinkan.

"Asas ekonomi Malaysia terus kukuh dan tinjauan ekonomi bagi 2024 adalah lebih baik ketimbang 2023. Kita dapat capai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2023 sebanyak 3.7 peratus kendatipun berdepan pelbagai asakan dan kemaruapan ekonomi global.

"Bagi tahun ini, ekonomi kita dijangka bertambah kukuh dengan unjuran pertumbuhan antara empat hingga lima peratus," katanya.